

PEMBAHAGIAN PUSAKA (FARĀID) MENURUT
AMALAN ADAT PERPATIH SECARA UMUM.
PERBANDINGAN DENGAN PUSAKA
ISLAM

JAMILAH HUSSIN

PENYELIA : USTAZ SADEK@LABACHOK
MAMBLI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANAMUDA
PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1986/87

PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين ،
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه والتابعين ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين .

Kesyukuran yang tidak terhingga dipohonkan ke hadrat
Ilahi yang telah mengurniakan kekuatan serta hidayat kepada hamba
nya yang daif ini sehingga selesainya penulisan ini.

Terima kasih dan sekalung penghargaan untuk Yang Berbahagia
Ustaz Sadek@Labachok ~ Mambli yang banyak membimbing , menasihati
serta membantu penulis di dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah
ini. Kepada Pensyarah-pensyarah Fakulti Pengajian Islam khusus
nya Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan Al-Sunnah, moga segala ilmu
dan pendidikan yang dicurahkan mendapat ganjaran Allah. Insyaa-
allah, akan penulis memanfaatkan segala ilmu itu semampu mungkin.

Encik Mohd Yusof Saman, terima kasih kerana memberikan
jasabaik bagi membantu penulis memahami lagi penulisan ini.
Teman-teman yang sama-sama mengharungi perjalanan pencarian ilmu
ini, yang turut membantu erti kehidupan ini. Sesiapa juga yang
terlibat menyumbang tenaga dari segi material dan spiritual.
Harapan agar Allah berikan ketabahan dan keyakinan kepada semua

Teristimewa buat ayah bonda serta keluarga yang dikasihi
Pengorbanan kalian begitu murni. Semuga kita semua dilimpahi rah-
mat Ilahi dan keimanan di hati, berkumpul di Syurga Firdaus
nanti.

Kepada semua pengarang buku-buku, kertas kerja dan
sebagainya yang telah penulis gunakan sebagai bahan Latihan Ilmiah
ini, terima kasih diucapkan. Segala kesilapan penulis di dalam
mengubahsuai,penyalinannya harap dimaafkan.

Walau pun Latihan Ilmiah ini mengandungi serba kekurangan dan kecacatan, penulis masih mengharapkan supaya apa yang baik daripadanya itu dijadikan panduan dan pengajaran, segala yang kurang dijadikan tauladan serta harap dimaafkan. Mudah-mudahan ianya dapat dimenfaatkan.

" YA ALLAH, AMPUNILAH DOSA-DOSA KAMI DAN BERKATILAH
KAMI DI DALAM MENERUSKAN PENGABDIAN KEPADAMU INI ".

Ikhlas,

Jamilah Hussin,
35C, Kampung Terusan,
Juasseh, 72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan.

18 Sya^Cban, 1407H
17 April, 1987M

BAB III3.1 PERBANDINGAN DAN PANDANGAN

83	3.11	Sistem pusaka sebelum Islam secara umum
86	3.12	Islam dan harta
90	3.13	Islam dan harta pusaka
103	3.14	Pandangan Islam terhadap amalan pembahagian pusaka menurut Adat Perpatih. Perbandingannya
109	3.15	Pandangan masyarakat umum terhadap Adat Perpatih
112	3.16	Penyelesaian
115	3.17	Kesimpulan dan Penutup
117		SUMBER-SUMBER RUJUCAN
		LAMPIRAN (A)
		LAMPIRAN (B)

KANDUNGANHALAMAN

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
PENDAHULUAN	v
SINOPSIS	ix

BAB I

BAB III

3.1 PERBANDINGAN DAN PANDANGAN

3.11	Sistem pusaka sebelum Islam secara umum	83
3.12	Islam dan harta	86
3.13	Islam dan harta pusaka	90
3.14	Pandangan Islam terhadap amalan pembahagian pusaka menurut Adat Perpatih. Perbandingannya	103
3.15	Pandangan masyarakat umum terhadap Adat Perpatih	109
3.16	Penyelesaian	112
3.17	Kesimpulan dan Penutup	115
	SUMBER-SUMBER RUJUCAN	117

LAMPIRAN (A)

LAMPIRAN (B)

PENDAHULUAN

Masaalah pusaka adalah amat penting di dalam Fiqh Islami.

Dengan itu didapati Fuqaha' Islam begitu bersungguh-sungguh membahasakan masaalah-masaalah yang berkaitan dengan pusaka, menjadikannya suatu ^Cilmu yang khusus. Daripadanya diketahui syarat-syarat pusaka, sebab-sebab, perkara-perkara yang menegah daripada pusaka dan hak-hak terhadap harta peninggalan secara tertib, diketahui bila waktunya seorang itu boleh mewarisi dan sebaliknya, mengetahui bahagian waris-waris dan sebagainya. Mempelajari pusaka merupakan setinggi-tinggi ^Cilmu syari^Cat yang banyak memberi faedah. ^CIlmu pusaka yang dimaksudkan itu ialah yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnat serta Ijma', inilah ^Cilmu yang begitu diberatkan untuk umat Islam mempelajarinya. Syara^C menentukan mempelajari ^Cilmu pusaka (Faraid) itu fardu Kifayat, Oleh itu di samping al-Qur'an menerangkan secara terperinci mengenai pembahagiannya, didapati banyak sekali hadith-hadith Rasulullah SAW yang menganjurkan manusia supaya mempelajari ^Cilmu pusaka ini dan mengajarkannya. Ianya dinyatakan oleh Rasulullah sebagai sebahagian daripada ^Cilmu dan cepat hilangnya dari ingatan. Antara sabda Rasulullah :

1. عن ابن مسعود رضي الله عنه انه قال : قال رسول الله (ص) :
تعلموا القرآن وعلموه الناس . وتعلموا الفرائض وعلموها فإني
أمرى بمقبوض العلم مرفوع ويوشك أن يختلف أسمان في
الفريضة والمسألة فلا يجدان أحداً يخبرها (ذكره أحمد)
2. عن عبد الله بن عمرو أن رسول الله (ص) قال : العلم ثلاثة
وما سوى ذلك فضل : آية محكمة أو سنة قائمة
أو فريضة عادلة . (رواه أبو داود وأبو ماجة)

Islam begitu memandang hina kepada ^cilmu pusaka yang bercanggah dengan prinsip yang telah ditetapkan oleh perundangan Islam. Seperti yang dimaklumi terdapatnya sistem pusaka amalan masyarakat sebelum kedatangan Islam juga ciptaan modern yang mengandungi ciri-ciri pertentangan dengan pusaka Islam. Dengan ini Islam inginkan segala ^cilmu pusaka yang bercanggah serta tidak menepati dasar perⁿudangan Islam ini dihapuskan dengan segera. Semuanya ini dilakukan demi menjaga keutuhan hubungan kekeluargaan Islam dan menghindarkan dari berlakunya ke kesan-kesan negatif hasil dari pembahagian itu.

Di dalam penulisan ini, penulis cuba melihat kepada salah satunya sistem pusaka hasil ciptaan manusia iaitu di dalam adat 'Perpatih'. Penulis agak tertarik untuk melihat secukupnya mengenai sistem ini memandangkan hanya ialah satu-satunya sistem yang masih lagi mengikut peraturan yang telah dibuat oleh nenekmoyang mereka dahulu dan tetap bertahan hingga kini. Boleh dikatakan ianya suatu sistem yang 'unik' iaitu menetapkan pembahagian pusaka menurut keturunan ibu(perempuan). Dari sini timbullah berbagai anggapan masyarakat terutama luaran terhadap adat Perpatih dan pengamalannya. Oleh itu kita akan melihat sejauhmana sistem ini diamalkan kini, apakah pembahagian berdasarkan keturunan perempuan itu hanya pada harta-harta tertentu dan sebagainya yang berkaitan dengan sistem ini.

Di dalam bab I, secara umum dan ringkas diterangkan mengenai asal-usul Adat Perpatih, kerana untuk mengenal dan mengkaji sesuatu itu tentu sekali memerlukan latar belakangnya. Penulis tidak menjelaskan perkara ini secara mendalam kerana bukan itu tujuan penulis. Kemudian dinyatakan juga bagaimana

kedatangan dan kemunculan adat ini di Tanah Melayu, melahirkan pula berbagai-bagai suku/perut yang didapati sampai sekarang. Mereka yang berhijrah dengan membawa bersama adat Minangkabau ini telah membuka penempatan-penempatan, akhirnya membentuk daerah-daerah dan negeri yang terdapat di dalamnya masyarakat pengamal adat Minangkabau ini. Seperti yang diketahui, tidak semua daerah-daerah di N.Sembilan ini mengamalkan adat Perpatih dan kemungkinan juga terdapatnya masyarakat Minangkabau di negeri-negeri lain berpandukan faktor sejarah. Setelah itu di terangkan tentang pengertian adat dan adat Perpatih yang sebenarnya serta dasar-dasar adat Perpatih secara keseluruhan. Sebenarnya adat Perpatih diciptakan untuk kebaikan masyarakat pengamalnya. Dilihat juga hubungan antara adat dan Islam di Tanah Melayu.

Bab II, diterangkan kedudukan harta pusaka di dalam adat Perpatih, bagaimana kedudukan pihak lelaki dan perempuan di dalam hal ini. Bagaimana yang dikatakan 'pengutamaan' kepada perempuan itu, apakah lelaki tidak mempunyai hak langsung?. Jenis-jenis harta pusaka dinyatakan dan harta manakah yang menurut garis keturunan perempuan sebenar. Terdapat masalah-masalah di dalam pembahagian pusaka secara ini. Apakah ianya tidak boleh diselesaikan dan apakah puca-punca permasalahan ini. Di dalam pembahagian menurut sistem adat yang terlalu susah dan sukar untuk dihapuskan ini, sifat reda meredai perlu ditanamkan di dalam jiwa setiap waris. Telah difahami dan di maklumi, perubahan terhadapnya terlalu payah kerana ianya telah diamalkan sejak zaman berzaman, terdapat di dalamnya ketua-ketua adat dan pihak yang masih berpegang teguh dengan sistem ini. Telah dibentuk satu corak peraturan dan pemerintahan yang

tersendiri, sudah tentu perubahannya menyebabkan timbulnya pula berbagai kerumitan. Jadi, apa yang sepatutnya dilakukan ialah supaya tidak bersifat tamakkan harta, nala menaloai harta.

SINOPSIS

Masyarakat, di mana sahaja berada tetap memandang tinggi terhadap harta. Lebih lebih lagi harta itu suatu yang bernilai seperti tanah pusaka. Masaalah pusaka akan dihadapi oleh sesiapa jua yang ada memiliki harta. Tuntutan oleh waris-warisan dilakukan seboleh-bolehnya untuk mendapatkan harta pusaka, sama ada mereka itu waris yang jauh atau yang dekat. Apabila disebut 'tanah Pusaka', masyarakat umum terus akan mengarah kepada 'adat Perpatih' di N.Sembilan, disebabkan sistem pusakanya yang berlainan. Adat Perpatih yang mengutamakan anak/pihak perempuan di dalam pusaka, melahirkan berbagai-bagai anggapan masyarakat umum mengenai adat Perpatih, terutamanya perempuan-perempuannya yang dianggap suka membolot harta dan sebagainya. Melalui penulisan ini, kita cuba meninjau secara dekat mengenai pembahagian itu. Apakah semua harta itu diwariskan kepada perempuan. Bagaimana perselisihan tentang harta boleh terjadi, dapatkah perkara ini diselesaikan sesama mereka. Apakah cara penyelesaiannya. Islam memandang harta itu sebagai hak Allah dan hendaklah manusia sama-sama mempergunakannya. Islam melarang mengambil harta orang lain tanpa haknya. Pentingnya pembahagian pusaka menurut syariat Islam yang telah ditentukan pembahagiannya. Tujuannya supaya tidak berlaku sebarang kerenggangan perhubungan kekeluargaan. Ketetapan Allah dan Rasulnya sahajalah yang dapat menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.

SINOPSIS

Masyarakat, di mana sahaja berada tetap memandang tinggi terhadap harta. Lebih lebih lagi harta itu suatu yang bernilai seperti tanah pusaka. Masalah pusaka akan dihadapi oleh sesiapa jua yang ada memiliki harta. Tuntutan oleh waris-warisan dilakukan seboleh-bolehnya untuk mendapatkan harta pusaka, sama ada mereka itu waris yang jauh atau yang dekat. Apabila disebut 'tanah Pusaka', masyarakat umum terus akan mengarah kepada 'adat Perpatih' di N.Sembilan, disebabkan sistem pusakanya yang berlainan. Adat Perpatih yang mengutamakan anak/pihak perempuan di dalam pusaka, melahirkan berbagai-bagai anggapan masyarakat umum mengenai adat Perpatih, terutamanya perempuan-perempuannya yang dianggap suka membolot harta dan sebagainya. Melalui penulisan ini, kita cuba meninjau secara dekat mengenai pembahagian itu. Apakah semua harta itu diwariskan kepada perempuan. Bagaimana perselisihan tentang harta boleh terjadi, dapatkah perkara ini diselesaikan sesama mereka. Apakah cara penyelesaiannya. Islam memandang harta itu sebagai hak Allah dan hendaklah manusia sama-sama mempergunakannya. Islam melarang mengambil harta orang lain tanpa haknya. Pentingnya pembahagian pusaka menurut syariat Islam yang telah ditentukan pembahagiannya. Tujuannya supaya tidak berlaku sebarang kerenggangan perhubungan kekeluargaan. Ketetapan Allah dan Rasulnya sahajalah yang dapat menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.

BAB I

1.1 SEJARAH KEDATANGAN ADAT PERPATIH

1.11 Asal-usul Adat Perpatih secara umum

Sebelum kita mengetahui secara lebih lanjut mengenai Adat Perpatih, perlulah kita melihat dengan serba ringkas tentang asal-usulnya dahulu.

Mengikut satu lajenda, Minangkabau iaitu tempat asal Adat Perpatih dibahagi kepada 2 beradik, Datuk Ketemenggungan dan Datuk Perpatih. Bahagian di bawah Datuk Ketemenggungan dinamakan Koto-Piliang dan di bawah Datuk Perpatih Bodi-Caniago. Kemudian Koto-Piliang dibahagi kepada Koto dan Piliang dan Bodi-Caniago kepada Bodi dan Caniago, jadilah jumlah 4 suku.¹

Md. Sharif Fakeh Hassan menyatakan, menurut cerita-cerita di Minangkabau, sebelum adat susunan Datuk Perpatih tersebar, telah sedia penghulu negeri itu bernama Datuk Suri DiRaja. Kemudian datang anak Raja Hindu (Sang Sapurba) dan disambut dengan 'beriang-riang', kononnya itulah asalnya 'Periangan'.

¹ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1976), hlm. 39.

Dalam cerita lain kedatangan anak Raja itu tidak diumumkan. Datuk Suri DiRaja menyambutnya dengan membuat sebuah balairong daripada kayu-kayu yang miang. Beliau juga melantik 4 orang penghulu (Datuk Seri Maharaja, Datuk Maharaja Besar, Datuk Bendahara Kaya dan Datuk Sutan Maharaja Besar) menjadi pembesar negeri 'Periangan Padang Panjang' untuk mengelakkan anak Raja itu dari berkuasa sepenuhnya. Sebelum adanya Nenek Temenggong dan Perpatih Nan Sebatang merekalah yang memerintah. Menurut cerita lagi, anak Raja Hindu itu telah berkahwin dengan saudara perempuan Datu Suri DiRaja, Puteri Indah Julita. Mereka mendapat anak lelaki dinamakan Sutan Paduka Basa yang bergelar kemudiannya sebagai Datuk Ketemenggungan. Beberapa lama kemudian Sang Sapurba ini mangkat dan Datuk Suri DiRaja telah mengahwinkan adiknya itu dengan Nenek Jati Bilang Pandai (bergelar Indo Jati) dan mereka memperolehi 2 orang anak lelaki (Sutan Balun dan Sikalok Dunie) serta 4 perempuan. Setelah anak lelaki itu dewasa, mereka telah diserahkan kuasa memerintah bersama-sama abang mereka Datuk Ketemenggungan dan mereka dinamakan Ratu Nan Bertiga. (Dalam Tambo Minangkabau Sutan Balun itulah yang bergelar Datuk Perpatih tetapi dalam Mustiko Adat Minangkabau yang bergelar Datuk Perpatih itu ialah Sikalok Dunie).¹

Menurut Abbas Ali, Sutan Paduka Basa (berlainan bapa) bergelar Datuk Ketemenggungan,

¹ Md. Sharif Fakeh Hassan, "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan kaitannya di Minangkabau", KertasKerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 7

Sikalok Dunie sebagai Datuk Perpatih Nan Sebatang, Sutan Balun digelar Datuk Seri Maharaja Nan Bernaga-naga. Sementara yang perempuan bernama Puti(Puteri) Reno Sudi, Reno Mandi, Reno Judah dan Puteri Jamilan.¹ Temenggong dan Perpatih adalah adik beradik seibu dari berlainan bapa. Temenggong merupakan putera dari ayah berketurunan DiRaja, Perpatih dari orang kebanyakan. Enak mereka telah berkahwin kemudiannya setelah suami yang pertama mangkat, dengan harapan akan menjadi Permaisuri pertama di Pulau Percha (Sumatera).² Saudara perempuan mereka yang bongsu 'Puteri Jamilan' telah dikahwinkan dengan Aditiawarman (Menteri Majapahit). Menurut riwayat, beliau telah dititahkan oleh Majapahit pergi ke Palembang dan Jambi untuk mencari jajahan takluk, Apabila sampai di Minangkabau lalu dijadikan semenda oleh Datuk Nan Bertiga itu(Temenggong, Perpatih dan Seri Maharaja). Aditiawarman dan Puteri Jamilan telah mendapat seorang anak lelaki dan selalu mandi di sungai semasa kecilnya. Kerana takutkan buaya lalu dipagari sekeliling tempat mandi itu dengan ruyong. Kononnya itulah asalnya 'Pagar Ruyong'. Anak Raja itulah asalnya Raja Pagar Ruyong yang keturunannya memerintah negeri itu.

¹ Abbas Ali, "Sebahagian dari dasar Adat(tinjauan secara umum), KertasKerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, N. Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 3.

² Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society", Intisari, 1.3, MSRI, Singapore (1962), hlm. 16.

Raja Melewar yang dijemput ke Negeri Sembilan itu dikatakan keturunan dari anak raja tersebut.

Orang-orang Melayu di Tanah Melayu telah mempercayai atau berpendapat, mereka berasal dari Minangkabau, tanah tinggi di Sumatera.¹ Sebahagian dari mereka datang secara langsung dari Minangkabau membawa bersama mereka Adat Perpatih yang bercorak Matrilineal dan bersuku. Sebahagian pula datang melalui Palembang yang semasa itu tersebar pengaruh Hindu yang beraja. Mereka ini datang membawa bersama Adat Temenggong yang bercorak Patrilineal.

Apabila sesuatu negeri itu mempunyai adatnya sendiri, ianya menunjukkan negeri itu lama dan bertamaddun. Dengan ini perlulah diakui Minangkabau itu telah bertamaddun dalam suatu jangkamasa yang panjang hinggalah ke hari ini.

Kebanyakan asal-usul Raja-raja Melayu memang tidak dinafikan bahawa zuriat raja-raja Melayu itu berasal dari Minangkabau, Bukit SiGuntang, MahaMiru, Palembang, Pasai, dan Aceh dalam negeri 'Semudera' ertinya 'Semut Besar' iaitu kejadian sejarah Pulau Sumatera sesudah timbul kembali dari sebesar semut maka dinamakan Sumatera hingga sekarang.²

¹ Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", Intisari, 2.2, MSRI, Singapore (1963), hlm. 48.
Lihat juga : M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws (Singapore : Singapore University Press, 1970), hlm. 7

² Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad, dan Sulaiman Idris, Asal-usul Adat Perpatih Negeri Sembilan (Kuala Pilah : Malay Press, 1962), hlm. 12.

Terdapat mereka yang ahli di dalam Adat Perpatih memperkatakan secara lisan, asal-usul keturunan raja-raja dunia ini ialah dari Iskandar Zulkarnain. Baginda berputerakan 3 lelaki iaitu yang tuanya Raja Alif dititahkan belayar ke Rome dan menaklukinya termasuk Benua Eropah dan Afrika. Anak kedua Raja Dipang diperintahkan ke Timur Jauh membuka Benua China dan sekitarnya.

Yang Ketiga 'Sri Raja DiRaja' dititahkan ayahanda baginda hala ke Gunung Berapi menghala ke selatan Benua Asia dan menuju ke gugusan Pulau-pulau Melayu dengan bekalan bahtera dan sebuah peti berisi mahkota kebesaran mengeraskan adat serta hukum.¹ Baginda sampai ke gunung Berapi tersebut dan menguasai sekelilingnya. Baginda telah menitahkan rakyat jelata membuka negeri dengan segala kelengkapan dan hiduplah mereka dengan maju dan makmur. Baginda turut mengadakan undang-undang bagi menjamin kesejahteraan dengan dinamakan 'Undang-undang Adat' iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggong.

Seorang daripada cucu-cicit Sri Raja diRaja ini bernama Raja Mahmud menjadi raja di negeri Padang Luas Pagar Ruyong, berputerakan tiga orang, dua orang lelaki dan seorang puteri; yang sulong bernama Sri Mara Pateh, yang tengah Sri Temenggong, dan yang bongsu Puteri Sri Banun. Apabila ketiga putera-puteri ini telah besar remaja, ayahanda mereka pun gering lalu mangkat. Untuk melantik penggantinya, Perdana Menteri telah memanggil sekelian rakyat jelata mengadap. Di perhimpunan ini Sri Mara Pateh telah diumumkan sebagai pengganti menaikki tahta kerajaan.

¹ Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad, dan Sulaiman Idris, Asal-usul Adat Perpatih N. Sembilan, hlm. 13

Sri Temenggong membantah lantikan ini kerana dia sendiri hendak merebut menduduki bekas tahta kerajaan ayahandanya itu.

Istiadat pertabalan ini menjadi gagal dan menyebabkan rakyat jelata merasa dukacita, tetapi Sri Mara Patch telah bertolak ansur dan meminta rakyat agar bersabar. Kemudian Sri Mara Patch, Sri Temenggong dan Perdana Menteri telah berunding dan diminta untuk bertolak ansur. Puteri Seri Banun disarankan untuk menaiki takhta kerajaan Padang Luas itu dengan syarat dikahwinkan dia dahulu. Temenggong tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana perempuan tidak patut menjadi raja.

Akhirnya Temenggong bersetuju dengan mengahwinkan Raja Hindi dengan Seri Banun dan ditabalkan mereka menjadi raja. Setelah itu Perpatih dan Temenggong menghadap Sultan untuk menyerahkan kuasa pentadbiran negeri tetapi ditolak oleh Raja Hindi. Baginda telah mengembalikan kepada kedua saudara iparnya untuk memerintah di negeri Padang Luas itu menurut adat istiadat masing-masing.¹

Setelah agak lama Perpatih dan Temenggong memerintah di negeri Padang Luas itu, timbullah perbalahan antara keduanya. Mereka datang menghadap Raja Hindi untuk menyelesaikan sengketa itu. Raja Hindi hanya dapat bertitah: "Tidak ada kesalahan daripada kekanda berdua, hanya kesalahan itu ialah dari adinda juga, kerana sebuah perahu dua nakhoda karam dan sebuah negeri dua raja huru-hara".

¹ Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad, dan Sulaiman Idris, Asal-usul Adat Perpatih N. Sembilan, hlm. 13

Untuk menjaga keamanan umum dan persengketaan, Raja Hindi meniatkan kedua iparnya itu berpisah, membuka negeri masing-masing di mana sahaja teluk rantau yang belum diterokai lagi. (Dikatakan juga keduanya ini sering berselisih faham sejak kecil lagi). Bagi memudahkan pelayaran itu mereka disediakan dengan sebuah bahtera seorang. Datuk Perpatih telah belayar menyeberangi laut mengelilingi Selat Melaka, sampai ke Siam, Burma, Ceylon dan Benua China. Di negeri China beliau telah tertarik dengan suasana kehidupan secara berkelompok di sana, diperintah oleh seorang ketua atau wakil dalam Majlis Mesyuarat DiRaja. Setiap puak diberi nama mengikut keturunan dan tidak dibenarkan berkahwin sesama puak. Dari sinilah beliau mempelajari dan digunakannya di dalam penyusunan adat di Laras Caniago.

Semasa pelayaran itu juga, sewaktu melalui Laut Langkapuri, Perpatih telah menjumpai sebatang kayu hanyut yang mengandungi beberapa perkakas tukang termasuk sebilah pahat dan beliung disebut 'Perpatil'. Menurut ceritanya perkataan 'Perpatih' pada asal Adat Perpatih itu dipadankan daripada perkataan Perpatil ini.¹

Datuk Perpatih telah memerintah Laras Caniago dengan menyusun adat serta ditambah dengan pengalamannya melalui pelayaran Adat Perpatih yang dibentuk itu amat mementingkan muafakat, kesederhanaan tanpa memandang kedudukan seseorang.

¹ Untuk lanjut : Md. Sharif Fakeh Hassan, " Sejarah Kedatangan Adat Perpatih dan kaitannya di Minangkabau ", hlm. 8.

1.12 Kemunculan Adat Perpatih ke Tanah Melayu

Di pertengahan abad ke 17, apabila orang-orang Melayu Sumatera di dalam kumpulan-kumpulan kecil dari Minangkabau berhijrah melalui Melaka, mereka sentiasa memperkenalkan sesama mereka sebagai "Anak-anak lelaki daripada Minangkabau " :

Kita anak Minangkabau yang di bawah langit dan di muka bumi, Selingkar Gunung Berapi, Sehingga pinturaya, hilir hingga Silagundi, mudek yang bernama Tanah Samata, Pulau Andalas.

Peneroka-peneroka Minangkabau yang datang ke Tanah Melayu ini merupakan kumpulan pengamal peradaban Nenek Perpatih Nan Sebatang. Kebanyakan mereka berasal dari Sumatera. Kedatangan mereka secara berperingkat-peringkat dengan menyeberangi Sungai Melaka masuk ke Negeri Sembilan, Melalui Sungai Linggi, Melaka dan Kelang. Mereka yang melalui Sungai Linggi mendiami daerah-daerah Rembau, Sungai Ujong dan Seri Menanti. Sementara itu yang memasuki Melaka, kebanyakannya menetap di Naning, Johol dan sebahagian di Kuala Pilah. Terdapat cerita menyatakan setelah Raja Hindi menitahkan Perpatih dan Temenggong untuk merantau itu, mereka pun membuat persiapan bagi memulakan pelayaran. Kononnya perahu Temenggong amat mudah dilancarkan tetapi berlaku sebaliknya kepada perahu Perpatih.

Segala pengikut Perpatih itu terdiri daripada beberapa buah negeri iaitu negeri 3 Batu, Sri Melenggang, Sri Lemak Minangkabau, Mungkal dan Tanah Datar.²

¹ M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Law, hlm. 11

² Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad, dan Sulaiman Idris, Asal-usul Adat Perpateh Negeri Sembilan, hlm. 17

Di dalam pelayaran itu Perpatih telah berhenti di beberapa tempat dan meninggalkan sebahagian pengikut-pengikutnya di sana. Mereka melalui Siak, Muar, Bukit Kepong dan Johor. Beliau meninggalkan Laksamana dari negeri 3 batu di Johor, terus mudak ke Pasir Besar dan meninggalkan orang-orangnya di sana, kemudian meneruskan pula perjalanannya ke Ulu Muar. Dari Ulu Muar diteruskan lagi perjalanannya di samping berhenti di beberapa buah kampung dan daerah. Seterusnya beliau sampai ke kampung Tengah dan meninggalkan pengikut-pengikutnya di sana terdiri dari mereka yang berasal dari negeri Mungkal, Tanah Datar dan Seri Lemak membuka tempat itu. Akhirnya mereka pun sampai di suatu tempat yang terdapat serumpun padi 3 peringkat (Tinggi, Sederhana, Rendah). Perpatih menegaskan padi itu ialah 'Seri' dan itulah Seri Menanti kini. Mereka pun terus meneroka dan menjadikannya penempatan.¹

Tidak dapat diketahui dengan jelas bila orang-orang Minangkabau ini berhijrah ke kawasan ini. Namun demikian teromba adat Minangkabau menyebutkan dalam kurun ke 12 Datuk Perpatih Nan Sebatang telah membawa beberapa orang Minangkabau meneroka tanah dan membuka negeri di Tanah Melayu. Dikatakan kawasan yang awal sekali dibuka ialah Naning, kemudian baharu lah berselerak ke Negeri Sembilan.²

¹ Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad, dan Sulaiman Idris, Asal-usul Adat Perpatih Negeri Sembilan, hlm. 19-21

² Mohd Sidin Arshad, Sejarah Negeri-negeri Melayu (Pulau Pinang : Sinaran Brothers, 1971), hlm. 82

Daripada abad ke 16 dan seterusnya penghijrahan daripada Minangkabau (Sumatera Barat) itu begitu meluas ke daerah-daerah yang umum iaitu di Negeri Sembilan sekarang.¹ Masyarakat tempatan telah menyambut baik kehadiran mereka ini. Perbilangan adat menyebutkan :

Gagak hitam gagak senoi
Turun dari bukit berkaki empat
Gagak putih gagak dari laut
Berkepak sayap.²

Ini adalah menggambarkan penduduk tempatan sebagai gagak hitam dan peneroka-peneroka sebagai gagak putih yang datang dengan perahu layar. Mereka ini mempunyai kehidupan yang lebih istimewa dari yang menanti.

Mereka ini telah membuka kampung-kampung dan memberikan nama menurut tempat asal mereka di Minangkabau yang disebut suku. Kemudian ketua-ketua suku dilantik dan mereka memerintah mengikut peraturan Datuk Perpatih yang diamalkan di tempat asal mereka dahulu. Oleh itu mereka di Negeri Sembilan ini adalah mengamalkan adat dari Datuk Perpatih Nan Sebatang yang dibawa bersama-sama orang Minangkabau ini. Kedatangan orang-orang Minangkabau ini bertambah pesat di zaman keagungan Kesultanan Melaka. Mereka membawa bersama cara hidup dan adat resam yang cuba dipersuakan dengan masyarakat tempatan. Penghijrah dari Sumatera ini juga membawa beserta mereka agama Islam yang di dapati buktinya bahawa terdapatnya kubur Allahyarham Sheikh

¹ M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya (London : Oxford University Press, 1971), hlm. 31

² Md. Sharif Fakeh Hassan, "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih dan kaitannya di Minangkabau ", hlm. 2

Ahmad Majnun di Linggi. Beliau berasal dari Minangkabau. Sheikh Ahmad boleh dianggap sebagai salah seorang Minangkabau yang menjadi perintis jalan untuk penerokaan orang-orang Minangkabau seterusnya ke Tanah Melayu dan Negeri Sembilan khususnya. Bukti makam beliau yang terdapat di Sungai Udang, Linggi menunjukkan beliau meninggal dunia pada 1467=872 A.H. Batu yang didapati itu pula menyerupai seperti yang terdapat di Pagar Ruyong dan di Batu Sangkar. Ini menunjukkan beliau berasal dari Minangkabau. Di batu-batu itu juga terdapat tulisan-tulisan Arab-Jawi dan Pallava.

Islam turut berkembang secara pesat di Negeri Sembilan apabila orang-orang Minangkabau masuk beramai-ramai ke negeri ini dalam masa 200 tahun selepas kejatuhan Sultan Melaka. Mereka membuka negeri ini dari Pantai Melaka ke Naning. Mereka mula memeluk Islam dalam abad ke 15.¹ Abdul Samad Idris menulis bahawa ada keterangan dan petunjuk-petunjuk yang mungkin dapat dijadikan pedoman kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan yang pertama ialah kira-kira sekitar abad 15 Masihi.² Setiausaha Jabatan Agama Islam Seremban menyatakan bahawa kerajaan mentadbirkan hal ehwal agama Islam yang terawal

¹ Othman Ishak, Fatwa Dalam Perundangan Islam (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1981), hlm. 48

² Abd. Samad Idris, Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan (Seremban:

dengan menggunakan Undang-undang Melaka di samping mengamalkan Adat Perpatih.¹

Sebelum Negeri Sembilan didatangi oleh orang-orang Minangkabau, negeri ini telah sedia didiami oleh orang-orang Asli yang dipanggil Sakai, Semang dan Jakun. Apakala orang-orang Minangkabau yang lebih bertamaddun itu datang meneroka maka dengan mudah mereka dapat mempengaruhi orang-orang Asli ini dan mereka pun bersemenda menyemenda atau nikah kahwin antara mereka. Dari perkahwinan inilah asalnya suku yang dipanggil 'Suku Biduanda' sekarang.² Terdapat 12 suku di N. Sembilan kini termasuk suku Biduanda atau 'Waris' sebagai suku kaum tempatan.

11 suku yang lain adalah pendatang daripada Sumatera dan mereka mendapatkan tanah melalui cara pembelian dari suku Biduanda.³ Suku-suku itu ialah:

- | | | |
|-----------------------------|--|-----------------------------|
| 1. Biduanda | 5. Tiga Batu ⁺ | 9. Tanah Datar ⁺ |
| 2. Batu Hampar [*] | 6. Tiga Nenek | 10. Anak Acheh |
| 3. Paya Kumbuh | 7. Seri Melenggang | 11. Anak Melaka |
| 4. Mungkal | 8. Seri Lemak Minangkabau ⁺ | 12. Batu Belang |
- * Dikenali dengan Air Kaki pada Yam Tuan
+ Dikenali dengan Lingkungan Yam Tuan

¹ Othman Ishak, Fatwa Dalam Perundangan Islam, hlm. 49

² Abd. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1968), hlm. 8.

³ M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, hlm. 21.

1.13 Negeri-negeri yang mengamalkan Adat Perpatih

Di Tanah Melayu, Adat Perpatih diikuti di sebahagian besar Negeri Sembilan dan daerah Naning Melaka.¹ Keadaan bentuk mukabuminya yang berbukit dan berlembah begitu sesuai untuk penanaman padi dan pertanian. Ini menjadi faktor penerokaan pengikut-pengikut Perpateh yang datang dari daerah Barat Sumatera itu.

Penghijrah-penghijrah yang terawal ini telah tinggal di bahagian hulu Sungai Muar dan membentuk daerah Ulu Muar dan Jempol, di Sungai Linggi dan Sungai Rembau untuk mendirikan daerah-daerah Sungai Ujong dan Rembau^{*}, melalui Sungai Melaka mereka membentuk pula Naning, Johol dan Inas^{*}, dan Sungai Triang di Pahang membentuk daerah Jelebu. Mereka berkahwin dengan perempuan-perempuan suku tempatan, membawa bersama mereka Adat Perpatih yang diamalkan sehingga kini.² Masyarakat Adat Perpatih ini mengandungi individu, keluarga dan suku-suku yang kemudiannya membentuk daerah. Setiap suku di bawah seorang ketua bergelar 'Lembaga' dan kesemua 12 suku ini pula akan diletakkan di bawah 'Undang yang empat'. Sebelum daerah-daerah di Negeri Sembilan ini disatukan setiap masing-masing di perintah oleh Undang.

¹ Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", hlm. 48.

² Ibid. Lihat juga: Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society, hlm.20.

^{*} Abd Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, hlm. 8. ditambah selepas Rembau dengan Seri Menanti dan tidak menyebut Inas tetapi sebahagian dari Kuala Pilah.

Di dalam jangkamasa ini, disebabkan keadaan yang masih lemah, mereka telah meminta pertolongan dari Johor. Oleh itu setiap daerah di masa itu berada di bawah kuasa Temenggong atau Sultan Johor. Pepatah adat menyatakan:

Bertali ke Siak

Berpengkalan ke Melaka

Beraja ke Johor

Bertuan(Yam Tuan) ke Minangkabau

Setelah dirasakan kekuatan telah ada, dalam tahun 1773, masyarakat Perpateh telah memilih dan menjemput seorang kerabat DiRaja Minangkabau sebagai raja dan pemerintah pertama di Negeri Sembilan. Semenjak itu Adat Perpateh menjadi bertambah teguh.

Pemilihan kerabat DiRaja Minangkabau ini menjadikan Negeri Sembilan setaraf dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu, mempunyai pemerintah dari keturunan DiRaja dan ini membentuk Adat Temenggong di Negeri Sembilan.¹ Adapun perkataan 'Negeri' yang dipangkal nama Negeri Sembilan sekarang ini adalah berasal dari perkataan orang-Orang Minangkabau yang disebut menurut pelatnya 'Nagari'.²

Komposisi Negeri Sembilan berubah-ubah mengikut detik sejarah. Masa dahulu Kelang(Selangor), Segamat(Johor) dan Naning(Melaka) termasuk dalam Negeri Sembilan.

¹ Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", hlm. 49.

² Abd Samad Idris, N. Sembilan dan Sejarahnya, hlm. 7.

Ada juga penulis-penulis yang mengatakan beberapa kawasan di Pahang juga pernah termasuk dalam Negeri Sembilan.¹

Negeri Sembilan terbentuk melalui gabungan 9 buah luak/mukim yang bercantum satu menjadi sebuah negeri yang besar. Sebelum menjelang 1773, negeri-negeri kecil itu terdiri daripada:

- | | | |
|-----------------|-----------------------|--|
| 1. Sungai Ujong | 5. Jelai=Inas | 9. Segamat dan Pasir Besar (di bawah Datuk Jempol) |
| 2. Jelebu | 6. Kelang | |
| 3. Johol | 7. Naning | |
| 4. Rembau | 8. Ulu Pahang=Kenaboi | |

Tahun-tahun 1780an, Belanda mengambil alih Naning, Bugis di Kelang dan Segamat (bawah penghulu Jempol) kembali ke Johor.

Sementara Ulu Pahang, Johor (bawah penghulu Kenaboi) ke Pahang.

Pada tahun 1895, 4 buah luak yang tidak terlibat dengan pemisahan ini telah bergabung membentuk semula N. Sembilan. Anggota-anggota gabungan itu terdiri dari:

1. Sungai Ujong 2. Jelebu 3. Johol dan Inas 4. Rembau
5. Tampin 6. Ulu Muar 7. Jempul 8. Teraci
9. Gunung Pasir.²

Naning pula suatu masa dulu wujud sebagai sebahagian daripada Negeri Sembilan. Sehingga sekarang ianya masih mengamalkan Adat Perpatih yang dinamakan Adat Perpateh Naning.

Kawasan-kawasan yang terlibat ialah: Mukim Ramuan China Besar, Ramuan China Kecil, Sungai Bahru Ulu, Sungai Siput, Berisu,

¹ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 56.

² Abd Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, hlm. 16.

Air Pa'abas, Masjid Tanah*, Lendu, Sungai Buloh, Melekek, Taboh Naning, Pegoh, Kelemak, Pulau Sebang, Tanjung Rimau, Padang Sebang, Gadek, Melaka Pindah, Rembia, Sungai Patai, Kemuning, Tebong, Batang Melaka, Jus dan Nyalas.¹

Peringkat awalnya Naning mempunyai hubungan dengan daerah-daerah lain. Perbilangan adat menyebutkan:

Berluak ke Naning

Berulur jumbai ke Jelebu

Tahun 1832, Inggeris menjadikan Naning daerah Melaka dan terpisah daripada luak-luak Perpatih yang lain. Naning ditukar kepada nama Alor Gajah dan hak pentadbiran berpindah dari Datuk Naning kepada Pegawai Daerah. Sistem Barat telah dijalankan di dalam pentadbiran.

Sejak itu undang-undang adat diketepikan kecuali di dalam hal pewarisan tanah pusaka(Customary Land). Tanah pusaka yang terkandung di dalam undang-undang adalah tercatat dalam geran tanah, tidak boleh dijual beli sesuka hati, mestilah mendapat kebenaran dari anggota-anggota yang hak.²

Telah jelas kepada kita, hanya kawasan-kawasan di Negeri Sembilan dan sebahagian Melaka sahaja yang masih mengamalkan Adat Perpatih kini.

¹ Untuk lanjut: M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, hlm. 91-92.

² Khoo Kay Kim, ed., Melaka dahulu dan Sekarang (Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1982), hlm. 168

* Di Masjid Tanah selain Melayu asli, terdapat juga golongan Minangkabau, Jawa, Bugis, Tetapi mereka ini kurang ramai. Orang-orang Minangkabau ini datang berniaga semenjak Pekan Masjid Tanah ini meningkat maju.

Namun begitu, melalui perjalanan sejarah, kedatangan Datuk Perpatih dan pengikut-pengikutnya melalui Johor, Kelang dan Melaka itu tidak menafikan adanya masyarakat Minangkabau di kawasan-kawasan selain Negeri Sembilan dan sebahagian Melaka itu, umpamanya di daerah-daerah Johor dan Pahang. Buktinya juga dapat dilihat daripada kedudukan Kelang, Segamat dan Ulu Pahang sebelum diambil alih oleh Belanda dan Bugis, ianya di bawah gabungan Negeri Sembilan. Walau pun demikian, mereka ini bukanlah pengamal Adat Perpatih sepenuhnya.

Di Negeri Sembilan, tidak semua kawasan/daerahnya mengamalkan Adat Perpatih. Pada Januari 1930, Residen Negeri Sembilan telah memberikan suatu kenyataan yang penting di dalam sejarah. Di antara tahun 1874 dan 1901 amalan penurunan harta di daerah-daerah Seremban dan Port Dickson telah ditukar. Keturunan yang mengikut susurgalur 'exogamous matriarchal' (Adat Perpatih) telah ditukar menurut Adat Temenggong.¹

E.N. Taylor pula menyatakan: Umumnya mengakui semua orang orang Melayu di daerah-daerah N. Sembilan dan Naning berasal dari Sumatera tetapi apakah mereka ini pernah mewujudkan organisasi bersuku yang mereka sendiri meragukannya. Ianya boleh menjadi kelompok bersuku jika ianya pernah wujud dan mungkin dihentikan pada tahun 1874 semasa pemerintahan British.²

¹ M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, hlm. 195.

² M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Law, hlm. 195-196.

Masyarakat, terutamanya golongan yang konservatif sering memperkatakan tentang Adat. Sebaliknya didapati pula golongan muda yang mempersoalkan mengenainya. Dengan ini lahir lah kata-kata seperti 'larangan adat', 'tak beradat', 'Kurang adat', 'adat istiadat', 'adat resam' dan sebagainya. Adat seperti yang dimaklumi merupakan suatu perlakuan yang telah diterima serta menjadi kebiasaan masyarakat seluruhnya. Ianya sebagai peraturan, pedoman hidup yang semestinya diikuti serta dipatuhi. Adat bertujuan untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup masyarakat sekitarnya.

Boleh dikatakan adat ialah 'Berlukis berlembaga, berturas bertauladan, bersesapan berjerami, bertunggul berpemasaran'.¹ Istilah adat itu amat meluas dan mendalam pengertiannya sebagai suatu falsafah hidup. Ia bukan cuma sekadar upacara kenduri-kendara, nikah kahwin, bercukur, istiadat melantik Datuk dan lain-lain adat kebiasaan hidup seharian. Ini hanya sebahagian daripada cabang-cabang adat yang tidak asasi, tidak akan memberi kesan sekiranya berlaku perubahan. Jika ada hanya seketika 'dianjak layu'. Adat ini termasuk di dalam perbilangan :

Usang-usang diperbaharui
 Lapuk-lapuk dikajangi
 Kalau singkat minta disambung
 Kalau panjang minta dikerat
 Kalau koyak minta ditampal
 Yang elok dipakai, yang buruk dibuang

¹ H.M. Sidin, Asal-usul Adat Resam Melayu (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1964), hlm. 16

Apabila mempersoalkan adat, akan terdapat pertentangan fahaman di dalam mentafsirkan istilah adat. Kaum tua yang kuat mempertahankan adat akan berpandukan 'Adat tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan' dan 'Biar mati anak, jangan mati adat'. Melalui kata-kata ini, akan ada yang beranggapan adat itu beku, tidak berkembang, serta tidak boleh diubah. Kaum muda yang berpendirian tegas pula akan mengatakan adat di zaman modern ini telah lapuk dan tiada tempat lagi dalam masyarakat. Mereka ini seolah-olah ingin menghapuskan adat itu.

Adapun yang dikatakan adat itu ialah satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-hari atau jelasnya menurut istilah sekarang ialah Undang-undang negara.¹ Abbas Ali menyatakan adat seumpama kanun pemeliharaan bagi melahirkan keperibadian tatasusila masyarakat. Ianya tertakluk kepada undang-undang alam dan mengalami perubahan.² Pemakaian adat adalah pemakaian nilai dan peraturan dalam masyarakat. Perkataan adat itu sendiri berpunca daripada istilah ^cArah yang dalam pengertian luasnya bererti nilai dan perlakuan sosial yang berteradisi,

¹ Abd. Samad Idrīs, "Kemurniaan dalam Adat Perpatih", KertasKerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, N. Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 4.

² Abbas Ali, "Sebahagian dari dasar Adat(tinjauan secara umum)", hlm. 2.

yang dii^ctiraf dan diperaktikkan menurut lunas-lunas kemasyarakatan.¹ Adat tidak termasuk di dalam hukum syara^c. Semua perkara yang terkandung di dalamnya tidak dilarang atau disuruh oleh syara^c.

Adat boleh dilakukan jika tidak bertentangan dengan syara^c.² Menurut Mohd Sanusi Mahmood :

" Adat ialah apa-apa yang telah menjadi kebiasaan kerana selalu diulang-ulangkan membuatnya. Adat tiap-tiap perkara yang tidak termasuk bilangan ibadat. (Dalam urusan adat perlu kita membuat bid^cah atas sesuatu cara model baru, perkara itu terlalu penting untuk kemajuan umat Islam atau untuk menolak kemundurannya, dan sumat hukumnya membuat bid^cah dalam adat itu jika keperluan tidak begitu keras dan haram hukumnya kalau akan menimbulkan bahaya bagi kaum Muslimin dan makruh bid^cah itu kalau bahayanya terbilang ringan".³

Perkataan ^cUrf dan ^cadat mempunyai makna yang sama tetapi penggunaannya belbagai antara satu tempat dengan tempat yang lain. Contohnya ^cadat digunakan di Indonesia. ^cUrf di pakai di Afrika Utara dan Afrika Timur dan di Afrika

¹ Mohd Rais Yatim, " Undang-undang Adat Perpatih-Common Law and Equity, satu analisa perbandingan ", Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 3

² Dasuki Hj. Ahmad, Kamus Pengetahuan Islam (Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah, 1976), hlm. 17-18

³ Mohd Sanusi Mahmood, Kamus Istilah Islamiah Sanusi (Kelantan : Syarikat Dian, 1976), hlm. 76

menggunakan Dastūr.¹ ^cĀdah, isim yang asalnya dari i^ctāda (إعتاد). ^cĀdah itu ialah suatu perkara yang selalu berulang atau kebiasaannya terjadi mengikut cara yang tertentu tanpa dikaitkan dengan fikiran.² Ia juga bermaksud ^camalan atau pegangan manusia yang berkekalan mengikut pertimbangan ^caqal fikiran yang sempurna melalui tabi^cat yang sejahtera.

Mohd Din Ali berkata :

" Istilah adat Melayu sering mengelirukan atau salah faham, semata-mata bererti adat kebiasaan dan teradisi orang-orang Melayu. Ini sebahagian besarnya adalah tidak benar. Adat adalah satu institusi dimana undang-undang dan kebiasaan mengatur politik, sosial dan corak perlembagaan pemerintahan di hari itu. Undang-undang itu melahirkan pepatah-pepatah yang sangat lama dan berharga".³

Adat Perpatih yang berasal dari Minangkabau itu seperti yang dimaklumi dicipta oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang. Segala ketetapan yang digunakan oleh masyarakat seterusnya berdasarkan Adat Perpatih itu sendiri. Datuk Perpatih ini boleh dianggap pelopor demokrasi ulong di Alam Melayu khasnya dan di dunia amnya sebelum kedatangan Islam.

¹ H.A.R. Gibb et. al., The Encyclopaedia of Islam, New Edition, Vol. 1 (3) (Leiden : E.J. Brill, 1960), hlm. 170

² Othman Ishak, Fatwa dalam Perundangan Islam, hlm. 62

³ Mohd Din Ali, " Malay Customary Law/Family, Intisari, 2.2, MSRI, Singapore (1962), hlm. 34

Ianya adalah demokrasi sebelum adanya demokrasi, satu-satunya demokrasi yang dianggap memberikan hak kuasa rakyat memilih dan dipilih melalui pungutan suara di dalam pemerintahan. Perlaksanaannya sahaja yang didapati berbeza. Apabila disebut Adat Perpatih, masyarakat akan mengalihkan pandangan ke Negeri Sembilan sahaja. Dari kenyataan-kenyataan sejarah, sebenarnya ia lebih jauh daripada itu iaitu ke Minangkabau di Sumatera. Keduanya mempunyai hubungan yang amat rapat di dalam hal ini. Adat Perpatih sebagai suatu sistem kawalan sosial kekeluargaan di dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Ianya mendukung nilai bersama' yang menjadi pegangan masyarakatnya. Peraturan-peraturan yang diwujudkan ialah untuk mengawal segala perlakuan-perlakuan dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan.

Idris Hj Tain berkata, "Adat Perpatih itu tidak lain daripada sebagai satu peraturan hidup yang merupakan satu kawalan sosial dan juga merupakan satu sistem kekerabatan yang amat liberal dan menyeluruh."¹ Sistem Adat Perpatih sebagai struktur masyarakat telah banyak menerima perubahan-perubahan khasnya dari segi ekonomi, politik dan kemasyarakatan. Adat Perpatih ini sangat unik kerana mengamalkan 'Matrilineal System' yang memperatkan keturunan kepada nisab sebelah ibu.²

¹ Idris Hj Tain, "Beberapa konsep penting dalam sistem Adat Perpatih N. Sembilan", Kertaskerja Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, N. Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 2

² Mansor Hj Jamaluddin, "Konsep harta di dalam sistem Adat Perpatih", Kertaskerja Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, N. Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 2.

Walau pun Adat Perpatih menerima perubahan-perubahan dari berbagai pengaruh dan zaman, ianya tetap dijadikan pegangan sebagai undang-undang kemasyarakatan. Perubahan yang mengarah kepada kebenaran sahaja diterimanya. Unsur-unsur persaudaraan dan permuafakatan amat dititik beratkan di dalam setiap perkara. Tujuannya sebagai menjaga kepentingan anggota kelompok keseluruhannya. Perpaduan masyarakat jelas tersurat semuanya di dalam adat :

Alam beraja

Luak berpenghulu

Suku bertuan

Anak buah beribu bapa.

Balam masyarakat Minangkabau, adat Perpatih menjadi pedoman hidup.¹ Pada masyarakat adat Perpatih, adat itu adalah peraturan hidup di dunia. 'Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah'. Yang menjadi tujuan utama adat ialah kebaikan. Adat menimbulkan yang baik, menghilangkan yang buruk. Adat berguna kerana ia membawa ketenteraman dalam masyarakat. Adat sentosa di dalam negeri.² Adat Perpatih bukan sahaja mengatur pergaulan hidup masyarakat, tetapi juga sebagai satu undang-undang yang tersirat melalui rangkaian peraturan, pertunjuk, nasihat, pantun, pepatah dan sebagainya. Semuanya ini dilahirkan untuk kesejahteraan yang murni.

¹ Abdullah Siddik, "Adat dan Modenisasi ", Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 4

² Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 3.

1.15 Dasar-dasar falsafah Adat Perpatih/Minangkabau

Kalau diperhatikan dengan saksama, seluruh pepatah dan fatwa adat Minangkabau dan dengan sendirinya juga dasar falsafah dari adat Minangkabau itu adalah berdasarkan atas ketentuan ketentuan yang terdapat pada ^calam itu.¹ Allah telah mengurniakan rahmatnya kepada nenek-moyang orang-orang Minangkabau sebelum mereka beragama Islam lagi. Mereka telah menyusun adat berdasarkan kefahaman mereka terhadap ayat-ayat ketentuan Allah tentang ^calam yang terkandung di dalam al-Qur'an. Selama adanya ^calam itu, adat Minangkabau akan tetap wujud.

Dasar adat Minangkabau ialah budi, ketentuan ^calam juga merupakan semata-mata budi dari rahmat Allah tanpa inginkan pembalasan. Disebabkan dasar adat itu ketentuan ^calam, dengan sendirinya falsafah adat itu hanya pada ^calam nyata dan belum mencapai ^calam ghayb(akhirat). Oleh itu adat menyatakan :

Gajah mati meninggalkan gading

Harimau mati meninggalkan belang

Manusia mati meninggalkan nama

Falsafah adat memandang budi sebagai suatu sendi dari pegaulan hidup masyarakat. Adat Minangkabau merupakan satu pandangan hidup yang berdasarkan pemikiran dan rasa.

Adat Minangkabau adalah unik dan asli di seluruh dunia.²

¹ M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau (Jakarta: Bulan Bintang, 1971), hlm. 25

² Ibid., hlm. 33

Falsafah adat Minangkabau telah sempurna dan memiliki keperibadian tersendiri sebelum abad ke 5 atau 1: 6 tanpa boleh diganggu gugat oleh sebarang pengaruh asing kecuali Islām. Agama Islām telah datang sebagai rahmat dari Allah untuk menyempurnakan lagi adat masyarakat Minangkabau itu. Adat dan agama keduanya berjalan seiring. Islām tiba dengan memberikan ketentuan, agama sahaja yang akan memberikan pertunjuk dan keyakinan hidup di dunia dan akhirat. Adat sahaja tidak akan melahirkan kepuasan. Adat mengakui seorang yang mati itu akan meninggalkan nama yang baik, Islam datang menyempurnakan lagi bahawa selain dari itu akan dibawa juga amalan soleh semasa hidup sebagai bekalan akhirat.

Adat Minangkabau sebagai suatu sistem pandangan hidup, di awalnya iaitu sebelum Islām masuk ke Minangkabau, ia berada di darjat kedua. Setelah Islām masuk dan menyempurnakannya, lalu ianya berada di tingkat pertama yang tinggi.¹

Dasar-dasar falsafah adat itu adalah tidak kelihatan dan tersembunyi di dalam pepatah dan sebagainya. Adat Minangkabau yang berperinsipkan ketentuan ^Cālam itu dilahirkan melalui berbagai bentuk seperti pepatah, petiti, mamang, pantun dan sebagainya. ^CĀlam umpama guru :

Panakaik pisau sirait

Ambiak galah batang lintabuang

Salodang ambiak ke nyiru

Nan satitik dijadikan lauit

¹ M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, hlm. 38

Nan sakapa dijadikan gunuang

Alam takambang dijadikan guru¹

Falsafah adat Minangkabau tidak spekulatif.²

Adat adalah :

Adat dipakai baharu

Kain dipakai usang

Cupak nan sapanjang batuang

Adat nan sapanjang jalan

Adat tetap segar dengan melihat contoh pada yang lampau dan melihat tua pada yang menang. Supaya adat tetap baharu :

Usang-usang diperbaharui

Lapuk-lapuk dikajangi

Nan elok dipakai

Nan buruk dibuang

Kok singkat minta disambung

Kok panjang minta dikerat

Adat harus mampu menyesuaikan dirinya dengan kehendak zaman :

Sekali air gadang

Sekali tepian berubah

Walaupun ianya harus menyesuaikan diri dengan keadaan namun dasar dan keasliannya tidak boleh diubah. Mereka tetap berpegang dengan susunan masyarakat yang berdasarkan sistem keturunan ibu turun temurun :

Birik-birik tabang ke sawah

Dari sawah ka halaman

¹ M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, hlm. 37

² Ibid.

Patah sajak tabang baranti

Basuo di tanah bato

Dari ninik ka mamak

Dari mamak ka kamanakan

Patah tumbuh hilang baganti

Pusako baitu juo ¹

Dengan adanya adat dan harta pusaka, menjadikan tiada dan tidak boleh ada mereka yang terlantar dan anak-anak yang menderita. Dasar adat Minangkabau amat mementingkan kehalusan budi dan rasa. Perkara ini jelas dipaparkan di dalam kata-kata :

Nan kuriak itu kundi

Nan merah iolah sago

Nan baik iolah budi

Nan indah iolah baso

Hubungan masyarakat yang berorganisasi tetap diamalkan oleh orang-orang Minangkabau. Mereka akan sanggup mempertahankan kan ahlinya dan membela dari malu. Malu seorang dianggap malu bersama. Di dalam sesuatu perkara, muafakat terlalu dititik beratkan bagi membuat sebarang keputusan. Kesemua ini dijelaskan melalui pernyataan mereka :

Kok tanah nan sabingkah alah bamilik

Kok rumput nan salai alah bapunyo

Malu nan alun babagi

(Jika tanah yang sekeping telah dimiliki

Jika rumput yang sehelai sudah ada yang punya

Malu belum lagi dibahagi)

¹ M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Perpatih, hlm. 4^a

Sikap gotong-royong pula dinyatakan :

Bulek aia dek pembuluah

Bulek kato dek mupakat

Aia batitisan batuang

Bana batitisan urang

(Bulat air oleh pembuluh

Bulat kata oleh muafakat

Air melalui pembuluh

Benar melalui orang)

Sekiranya tiada adat, akan berlaku :

Siapo kuat siapa malendan(melanda)

Siapo tinggi siapa mahimpok(menimpa)

Dengan adanya adat, haruslah pula diamalkan :

Kok gadang jangan melanda

Kok cerdik jangan menipu

Adat boleh dibahagikan kepada 4 bahagian :

1. Adat Nan Sabana Adat

Dari sudut falsafah, ianya berdasarkan ketentuan ^calam itu sendiri, ketentuan ^calam yang haqiqi yang tidak berubah-ubah dan ianya dijadikan peraturan adat.¹

Adat air cair dan membasahi

Adat api panas dan membakar

¹ Abdullah Siddik, "Adat dan Modenisasi", hlm. 5

Sekiranya ketentuan ^cālam ini diingkari, ianya adalah suatu yang sia-sia. Setelah direnungi ketentuan ^cālam ini dan dijadikan dasar hidup manusia, lalu terciptalah Adat Nan Sabana (Sebenarnya) Adat ini. Ianya mengandungi kebenaran yang tetap sepanjang waktu. Inilah yang dimaksudkan tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.

Perbilangan adat mengatakan :

Nan bana tak lakang dek paneh
Nan haq tak lapuk dek hujan
Walaupun nafsu nan membateh
Hancua luluah dek kenyataan
(Yang benar tak lekang oleh panas
Yang haq itu tidak lapuk oleh hujan
Walaupun nafsu membatas
Akan hancur oleh kenyataan)

Adat sebagai suatu cara hidup, merupakan sebahagian dari ^cālam akan sentiasa mengalami perubahan umpama ^cālam dan manusia. Setelah kedatangan Islām ke Minangkabau, sebagai pedoman hidup yang sempurna ianya telah membawa perubahan yang nyata sekali. Islām menganjurkan manusia agar meneliti ^cālam semesta yang lebih mendalam dari falsafah adat itu sendiri. Islām bukan sahaja mengejar manusia kehidupan di dunia malah di akhirat, juga membawa kepada cara hidup penyesuaian antara adat dan Islām. Dengan ini Islām telah memperkuatkan lagi asas adat itu dengan memberikan perubahan-perubahan yang baik dan sempurna. Adat Nan Sabana Adat tidak seharusnya tetap pada satu-satu masa atau keadaan dan kaedah sahaja.

Adat Nan Sabana Adat itu sesuatu yang seharusnya menurut alur yang patut menurut agama, peri kemanusiaan, tempat dan masa.¹

Sumbing-sumbing dititik, rimbun-rimbun ditutuh

Patah-patah dikimpal, buruk-buruk diperbaharui

Kata-kata Adat menyatakan :

Di dalam adat nan duo kelarasan

Adatlah jadi darah daging

Syara^c nan lazim keimanan

Adat nan kawi nan membimbing

Adat menghilangkan yang buruk, melahirkan yang baik.

Sementara Syara^c menyuruh berbuat baik, menegah kejahatan.

Perpatah adat menjelaskan :

Adat bersendi hukum

Hukum bersendi Kitab Allah

Kuat adat tak gaduh hukum

Ibu hukum muafakat

Ibu adat muafakat²

Islām membezakan antara yang halal dan haram, sunat dan fardu.

Semua ini diterima sebagai Adat Nan Sabana Adat.

2. Adat Nan Diadatkan

Iaitu adat hasil rekaan sendiri. Banyak peraturan-peraturan yang telah dimuafakati bersama oleh ketua-ketua dan ditā^cati oleh masyarakat Adat Perpatih sebelum kedatangan Islām. Umpamanya adat perkahwinan, adat melantik ketua-ketua, keturunan mengikut nisab ibu dan sebagainya. Selagi adat itu diguna

¹ M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, hlm. 64

² Abdullah Siddik, "Adat dan Modenisasi", hlm. 7

an dan dipatuhi oleh masyarakat, ianya akan tetap ada dan berlaku. Perubahan terhadapnya memerlukan permuafakatan terlebih dahulu bersesuaian dengan falsafah Adat Perpatih sendiri setiap sesuatu dengan muafakat'.

3. Adat Nan Teradat/Adat Diperadatkan

Iaitu adat tiru-tiruan, adat yang tidak tahu hujung pangkalnya dan adat yang tidak tahu asal-usulnya.¹

Adat ini terjadi dengan sendirinya melalui pekerjaan atau perbuatan yang dilakukan di dalam suasana tertentu, Ianya bukan lahir dari kata muafakat tetapi disebabkan kelaziman melakukannya dengan secara diulangkali. Dengan seponatan ia menjadi kebiasaan. Umpamanya pembahagian harta di dalam perceraian.

4. Adat Istiadat

Iaitu adat yang menjadi tambahan dengan tujuan mencantikkan adat yang sedia ada tetapi kebanyakan adat ini bertentangan dengan dasar 'kebenaran'.² Adat ini hanya merupakan adat dalam pengertian upacara Raja seperti upacara penobatan, penerimaan dan pemakaman Raja dan seumpamanya.³

¹ H.M. Sidin, Asal-usul Adat Resam Melayu (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1964), hlm. 7

² Hashim Ghani, "Kata-kata Perbilangan dan Tafsirannya", Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10-12 April 1974), hlm. 5

³ Abdullah Siddik, "Adat dan Modenisasi", hlm. 8

Begitulah dijelaskan dengan secara ringkas mengenai dasar falsafah adat Minangkabau atau adat Perpatih, iaitu yang lahirnya dari pengamatan terhadap kejadian ^cālam. Allah telah mengurniakan rahmatnya kepada mereka yang menggunakan ^caqal untuk memerhati dan meneliti apa jua yang terasa olehnya, sama ada buruk atau baiknya. Kesempurnaannya pula tergambar dengan kehadiran Islām, menjadikannya seiring.

Adat Minangkabau yang telah disempurnakan oleh agama Islām itu adalah bertujuan untuk kebahagiaan manusia lahir dan batin, dunia dan akhirat, sekarang dan kelak di ^cālam baqa¹.

¹ M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, hlm. 72

1.16 Perbezaan Adat Perpatih dan Adat Temenggong

Seperti yang telah dimaklumi, terdapat dua bentuk adat yang masyur di Malaysia Barat, dikenali dengan adat Temenggong dan adat Perpatih. Keduanya berasal dari Indonesia iaitu bahagian Pulau Sumatera di daerah Minangkabau dan Palembang. Adat Perpatih ini terdapat di daerah-daerah adat yang menjalan kegiatan bersuku iaitu daerah-daerah tertentu di Negeri Sembilan dan Melaka. Adat Temenggong pula didapati di negeri-negeri selainnya.

Adat Perpatih menurut R.O Winstedt adalah sebagai undang-undang Perdana Menteri. Ianya berasal dari masyarakat Minangkabau di Sumatera sekalipun sistem yang terpakai di sana agak berbeza dari sistem di Tanah Melayu. Manakala adat Temenggong pula dipanggil undang-undang Menteri Peperangan dan Polis. Adat ini berasal dari Palembang, Sumatera dan mengandungi setengah-setengah sistem Hindu.¹

Mohd Din Ali menjelaskan tentang hubungan kedua adat ini dengan katanya :

"The two system differ diametrically in that one is patrilineal and the other matrilineal in character and application. However it has been shown that one is really the off shoot of the other. Taylor in his 'Malay Family Law' states that the adat Temenggong is a derivative from the basic tribal organisation in Sumatra (the Adat Perpatih) which as a result of the Hindu monarchical influence of Palembang was shorn

¹ Othman Ishak, Hubungan antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979), hlm. 74

of its tribal organisation, its exogamous system and its matrilineal law of property. Of the two system the adat Perpatih is the more characteristic and rigid. The adat Temenggong being patrilineal in character identified itself with the Islamic socio-political system with the advent of Islam in Malaysia in approximately the 14th century. Thus in the matter of land inheritance, that which is not inherited through entail female in accordance with the adat Perpatih is taken to be inherited through the adat Temenggong whose laws of inheritance (Faraid).

Daripada ini dapatlah dinyatakan beberapa perbezaan utama antara adat Temenggong dan adat Perpatih ini iaitu :

1. Corak pemerintahan : Adat Temenggong menggunakan cara pemerintahan aristokrasi dengan menjadikan Raja sebagai ketua Negeri yang berkuasa di dalam kata putus. Adat Perpatih pula bercorak demokrasi berdasarkan :

Raja menobatkan di dalam Alam

Penghulu menobatkan di dalam Luak

Lembaga menobatkan di dalam Lingkungan

Ibu bapa menobatkan pada anak buahnya

Orang banyak menobatkan di dalam terataknya

Setiap keputusan memerlukan muafakat terlebih dahulu.² Kedaulatan adalah terdengar di tangan rakyat iaitu rakyatlah yang memerintah secara 'musyawarat' atau 'perundingan' menerusi wakil-wakil yang dilantik oleh mereka. Disebabkan keadaan yang bertentangan ini wujudnya faham dasar dalam peruntukan pusaka. Datuk Temenggong tetap berpegang dengan dasar lamanya memberi-

¹ Mohd Din Ali, "Malay Customary Law/Family," hlm. 34

² Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975), hlm. 116

kan keistimewaan kuasa yang berlebihan kepada kaum lelaki.

Datuk Perpatih pula memberikan pewarisan pusaka adat dan harta kepada kaum perempuan.¹

2. Garis keturunan : Garis keturunan adat Temenggong menurut 'unilateral patrilineal', keturunan menerusi susurgalur pihak bapa. Sedangkan adat Perpatih adalah berdasarkan garis keturunan secara 'unilateral matrilineal' iaitu mengikut pihak ibu sahaja.

3. Hukum dan keadilan : Adat Temenggong menggunakan prinsip pembalasan(retribution) di dalam undang-undang jenayah.²

Keadilannya berdasarkan :

Siapa salah siapa bertimbang

Siapa berhutang siapa membayar

Siapa membunuh siapa kena bunuh

Siapa menjala siapa terjun

Itulah adat Datok Temenggong, Bendahara Kaya.²

Konsep keadilan di dalam adat Perpatih adalah berperinsipkan pemulihan(restitution) yang berdasarkan :

Cincang pampas

Bunuh beri balas

Perbezaan dalam konsep utama keadilan umum ini berpunca dari perselisihan antara kedua beradik ini beserta pengikut-pengikut mereka, melahirkan kawasan pengaruh yang berasingan.³

¹ Abbas Ali, "Sebahagian dari Dasar Adat(tinjauan secara umum)", hlm. 5

² Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 110

³ Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society" hlm. 16

Pada dasarnya kedua jenis adat ini boleh dikatakan sama kerana punca yang sama tetapi telah berubah corak di bawah pengaruh Hindu.¹ Di samping adanya dua kuasa penuh yang mempunyai institusi berbeza ini, terdapat kuasa ketiga iaitu hukum syara^c. Masyarakat Melayu menerima ajaran undang-undang Islam ini walau pun ianya bertentangan dengan adat tempatan itu sendiri. Mereka memberikan alasan undang-undang Islam itu sebagai tambahan kepada undang-undang adat. Semua ini adalah khayalan semata-mata. Secara mutlakny ketiga-tiga sistem undang-undang ini tidak bersesuaian antara satu sama lain. Adat Perpatih berbentuk demokratik yang mengarah kepada rakyat, mengandungi pernyataan-pernyataan di dalam peribahasa-peribahasa yang menarik. Adat Temenggong yang disokong oleh putera-putera raja Melayu mengandungi pengucapan-pengucapan di dalam undang-undang yang bertulis. Hukum Syara^c berbentuk theokratik yang mendidik dan mengandungi risalah-risalah lanjut daripada bahasa Arab.²

Umumnya kehidupan masyarakat Minangkabau ini merupakan hubungan bersama yang diibaratkan satu anggota. Ianya bersifat bantu-membantu dengan meletakkan lelaki sebagai tunjang masyarakat. Adat Perpatih memperlihatkan kehalusan sistem yang istimewa di dalam undang-undang. Berlembut hati dan bersedia memaafkan pada yang bersalah tetapi tetap akan mengenakan ganti

¹ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hlm. 109

² M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws, hlm. 7

rugi untuk yang telah dilukakan atau dirosakkan. Adat ini tidak mendorong kepada bersikap ganas dan kasar, berperikemanusiaan dan bertimbangrasa. Walau bagaimana pun ianya memperlihatkan kurang kebijaksanaan di dalam masyarakat.

Autokratik adat Temenggong pula berlainan. Ketua-ketua mengatur undang-undang dengan hukuman yang berat dan keras. Ia menolak perhambaan terhadap pesalah dan mempertahankan kuasanya dengan hukuman yang zalim terhadap sesiapa yang berani membantah sebarang perintah. Keadilan Raja-Raja Melayu yang dianggap adil itu dianggap zalim dan tiada berbelas kasihan.

Theokratik hukum *syara*^C mempunyai keistimewaan. Jika adat Temenggong bersifat ganas terhadap manusia, hukum *syara*^C pula meletakkan premium kepada yang hipokrit.¹

Mereka yang kurang membuat pengamatan akan hanya memperlihatkan perbezaan antara adat autokratik dan adat demokratik di Negeri Sembilan. Di dalam kerajaan Hindu Purba Palembang, orang-orang Melayu menganggap Raja adalah suci dan mempunyai kuasa unggul. Pemerintahan aristokrat dan autokrat yang diperkenalkan sebagai adat Temenggong itu telah menghapuskan adat primitif Minangkabau. Ini menggambarkan adat Temenggong telah melahirkan kelas-kelas kemuliaan dan keadilan, seterusnya mencakupi segala kebaikan dan kemajuan, lantas pengikut

¹ M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws,
hlm. 10

pengikut adat ini mengeji adat Perpatih sebagai mundur. Bagi kacamata mereka menganggap masyarakat Melayu Negeri Sembilan berpemikiran sempit yang tidak boleh menyesuaikan diri dengan keadaan luaran.

Melalui pengkajian terhadap sejarah, didapati adat Temenggong itu meliputi negeri-negeri utama dan ini tidak sepatutnya cuba diperbandingkan dengan adat Perpatih yang hanya terdapat di N. Sembilan. Nilai adat Minangkabau masih dijanjikan kini dan kepentingannya belum lagi terhapus.

Perbezaan utama di Negeri Sembilan dan negeri-negeri lain ialah N. Sembilan sentiasa berpegang teguh dengan organisasi bersuku. Di dalamnya mengandungi pembatasan terhadap penjualan tanah. Negeri-negeri lain telah hapus organisasi politik bersuku mereka tetapi masih mengamalkan keturunan ibu di dalam pembahagian tanah.¹ Perbezaan yang mereka kemukakan itu terlalu cetek yang hanya mengenai cara-cara pentadbiran undang-undang daripada undang-undang adat itu sendiri. Di Perak didapati mereka juga mengikut garisan ibu di dalam penggantian atau turutan hak milik. Penggantian ini menggambarkan adat Perpatih.. Sir William Maxwell menulis :

"In that State (Perak) the land and houses of the deceased descend to his daughters equally while the sons divide the personal property. The latter are supposed to be able to create landed estates for themselves by clearing and planting land which they may select, or at all events to obtain the use of land by marrying women who may have inherited in."²

¹ M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws, hlm. 163

² Ibid., hlm. 32

Adat Perak yang dinyatakan ini sama perlaksanaannya dengan di Negeri Sembilan. Nyatalah orang-orang Melayu itu menurut keturunan ibu (matriarchal). Mereka sentiasa memberikan penghormatan kepada hak perempuan. Kita juga melihat kelaziman orang-orang Melayu, suami akan tinggal di rumah isteri. Jelas adat Temenggong mengambil pandangan yang sama seperti adat Perpatih di dalam pemilikan harta (tanah). Rujukan terhadap sejarah juga amat penting di dalam memperlihatkan persamaan atau perbezaan antara kedua adat ini.

Dengan ini kita akan bersedia untuk memutuskan adat Temenggong itu ialah adat Perpatih yang ditadbir menurut cara autokratik.¹

¹ M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws,
hlm. 33

1.17 Islam dan Adat di Tanah Melayu

Adat-adat Melayu lama telah pun diamalkan sejak dahulu hingga kini. Di Tanah Melayu sendiri terdapat dua institusi adat yang termasyur iaitu Adat Temenggong dan Adat Perpatih.¹ Ada juga benarnya dikatakan orang-orang Melayu itu orang Islam yang kuat mengamalkan ajaran Islam. Tetapi mereka tidak pernah di masa yang lalu menerima seluruh dan mengamalkan semua prinsip hukum Islam khususnya undang-undang pusaka Islam.²

Wujudnya situasi ini disebabkan sikap umum orang-orang Melayu terhadap adat. Sama ada mereka itu penduduk asli Tanah Melayu atau yang datang berhijrah dari tempat-tempat lain, menilaikan kelebihan adat lama mereka dari perkara lain. Mereka teguh dengan kata-kata adat :

" Biar mati anak, jangan mati adat "

dan sebagainya. Dari kata-kata yang lazim ini mereka memahami dan beranggapan adat sebagai cara hidup yang natural dan mempunyai kuasa mengikat. Organisasi suku biasanya diatur bagi memenuhi keperluan masyarakat dalam kehidupan seharian.

Ringkasnya struktur sosial masyarakat Melayu purba adalah berdasarkan adat di awalnya sebelum yang lain-lain lagi.

Antara lain mengapa Islam tidak difahami secara keseluruhan nya ialah sokongan kuat Raja-Raja Melayu di dalam adat Temenggong. Adat yang dikatakan menyamai hukum Islam itu telah pun

¹ Untuk lanjut : Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society", hlm. 16-18

² Othman Ishak, Hubungan antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat, hlm. 89

sehati dengan mereka. Ini kadangkalanya membangkitkan kontroversi antara hukum Islam dengan adat yang diamalkan.

Di negeri-negeri yang lain di Tanah Melayu, Adat Temenggong diperkenalkan bersama sistem Islam dan meresap ke institusi Kesultanan. Negeri-negeri ini menjadi negeri-negeri Kesultanan Islam. Di ketika ajaran Islam meresap ke dalam adat Temenggong, keduanya ini menjadi bahagian-bahagian kepada satu sistem walaupun kesan adat ini masih kekal terutamanya di dalam pewarisan hak milik orang Melayu.¹

Sebab lain kurangnya fahaman keislaman ini ialah pengembang-pengembang agama Islam yang awal adalah terdiri daripada ahli-ahli teologi (ibadat). Kesan dari itu penerimaan orang Islam terhadap spritual (kerohanian) dan ibadat mengatasi bidang lain seperti hukum (Jurisprudence). Ini memungkinkan sebagai salah satu faktor berlakunya salah faham antara dasar-dasar hukum Islam dan adat. Kata-kata 'Adat bersendikan Hukum' berkemungkinan tidak akan menepati kehendak sebenarnya kerana kedapatan banyaknya dasar-dasar adat yang bercanggah dengan hukum Islam. Perkembangan ajaran Sūfi (falsafah) yang tersebar luas di pertengahan abad 15 juga telah menyukarkan pendidkan segi hukum. Kebanyakan orang-orang Melayu yang masih teguh dengan amalan tahyul menjadikannya sebahagian dari adat yang terpelihara. Sistem pentadbiran kolonial dan pengaruh-pengaruh tamaddun Barat boleh juga dikira sebagai fakta tambahan yang mewujudkan sistem campuran dari adat,

¹ Ahmad Mohd Ibrahim, 'Islam Customary Law/Malaysia', hlm. 49.

hukum Islam dan undang-undang Barat.¹

Bagi penyelesaian perselisihan antara undang-undang adat dan hukum Islam, telah diadakan satu badan berasingan di setiap negeri dikenali dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Ianya berfungsi sebagai penasihat Sultan dalam semua perkara yang bersangkutan dengan pentadbiran agama dan adat Melayu.² Di dalam tahun 1875, terdapat undang-undang perseorangan yang dikombinasikan antara adat dan Islam. Adat dipelbagaikan menerusi kemasukan sebahagian daripada undang-undang Islam tetapi tidak bererti undang-undang itu tidak boleh bertolak ansur. Adat berkembang dan mundur, undang-undang Islam lebih meluas dan perubahan boleh juga berlaku melalui undang-undang yang termaktub.³

Hubungan di antara Islam di negeri-negeri Malaysia Barat telah menerima dua bentuk yang berbeza. Di Negeri Sembilan ketegangan di antara dua sistem undang-undang yang berlawanan telah berlaku di mana keduanya juga amat dihormati di dalam Perlembagaan Negeri. Di Negeri-negeri Melayu lama, terdapat kekeliruan dan percelaruan daripada pengasingan undang-undang Islam dan adat tempatan, menimbulkan masalah di dalam

¹ Othman Ishak, Hubungan antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat, hlm. 91-92

² Untuk lanjut: Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", hlm. 49-51

³ M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws, hlm. 165

kuasa kehakiman.¹

Di dalam adat Minangkabau lama, penerimaan Islam ke dalam struktur adat bercampur aduk setara dengan perlembagaan Islam.² Kesan pengaruh ini bukan sebagai suatu penerimaan kepercayaan yang baru tetapi pengutamaan terhadap sistem 'matrilineal' di dalam pewarisan harta yang kemudiannya menjadi suatu faktor tunggal terbesar yang konflik dengan undang-undang pusaka Islam.

Menurut teorinya, orang-orang Melayu Minangkabau merupakan pengikut agama Islam yang baik. Mereka dianjurkan untuk menerima seluruh undang-undang Islam (Muhammadan Law). Tetapi di dalam praktiknya penerimaan mereka terbatas di dalam perkara-perkara yang tidak dipersetujui oleh adat mereka. Apabila berlaku pemilihan antara adat dan hukum Syara^c, mereka akan menolak hukum Islam.³ Namun begitu masyarakat adat Perpatih di Negeri Sembilan mempercayai undang-undang Islam itu memersetujui undang-undang adat. Hanya Qadi tempatan telah membuat penjelasan yang kurang terhadap undang-undang. Kata-kata adat menyatakan :

Adat yang Kawi

Syara^c yang lazim

¹ M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, hlm. 250

² Mohd Din Ali, 'Two Forces in Malay Society', hlm. 22

³ M.B. Hooker, ed., Readings in Malay Adat Laws,
hlm. 20

Sistem undang-undang Islam mengakui kekuasaan dan kebenaran adat di dalam memperkukuhkan peraturan undang-undang. Di Malaysia, adat memainkan sebahagian peranan penting di dalam kemajuan undang-undang Islam, terutama sebahagiannya membantu memelihara kedudukan dan status wanita di dalam masyarakat. Perpaduan di antara undang-undang adat dan Islam boleh berlaku sekiranya di satu pihak menerima dasar undang-undang Islam yang terkandung di dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah sepertimana di awal Islam. Untuk usaha penjelasannya ialah melalui Ijtihād dan Ijmā⁹ bagi mempertemukan situasi sosial dan ekonomi yang kerap berubah.¹ Seandainya adat di satu pihak lain menerima pembaharuan untuk memenuhi keperluan kondisi sosial dan adat, dapat diterima perbilangan yang menyatakan :

Sumbing-sumbing dititek
Patah-patah dikimpal
Rimbun-rimbun ditutuh
Buruk-buruk diperbaharui

Di dalam mempersoalkan hubungan adat dan Islam ini, dikatakan adat Perpatih tidak demokratis dan bertentangan dengan ajaran Islam.² Sementara itu dinyatakan pula kekeliruan orang luar terhadap masyarakat Perpatih berpunca dari

¹ Tunku Hussain Tunku Yahya, "Uncracked by the Sun", Intisari, 1.3, MSRI, Singapore, (1962), hlm. 73

² Untuk lanjut : H.A. Hamidi Jora, "Adat Perpatih tidak Demokratis", Dewan Masyarakat (Januari 1975), hlm. 37-39

kejahilan tentang sistem nilai adat itu sendiri. Akibatnya tercetus streotaip-streotaip seperti orang Negeri Sembilan kurang pegangan agama kerana menentang ajaran agama Islam, belakinya dayus kerana tidak berharta dan bila bercerai terpaksa membawa bungkusan tidur di surau, orang N. Sembilan kuno dan sebagainya. Fahaman ini tidak salah, hanya merupakan fahaman dari kacamata orang yang mempunyai sistem nilai yang berlainan.¹ Adat menerima Islam dan menentanginya bermakna menuju kerosakan. Keduanya mempersoalkan kebaikan dan perbezaannya hanya dari segi logik. Kebenaran Islam itu mutlak tetapi adat itu relatif. Hubungan antara adat dan Syara^c saling lengkap melengkapi.

Perlu dimaklumi, Islam berkemampuan menyediakan suatu sistem yang lengkap bagi kewujudan duniawi dan kerohanian, berbanding dengan adat yang hanya berupaya untuk memberi. Meski pun kemampuan adat menyediakan suatu kelas sosial yang logik dan semulajadi berdasarkan fakta-fakta kehidupan dan hukum alam, ianya masih lagi sebagai suatu sistem yang mengarah kepada keduniaan tanpa menjanjikan suatu kehidupan yang beragama dan berkerohanian. Adat menyediakan suatu teradisi dan syarat-syarat yang teratur untuk kehidupan yang lazim, Islam pula mencapai konsep kesatuan seluruh makhluk dan kejadian di bawah satu kuasa tertinggi iaitu 'Allah'.

¹ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 7